

PRU-13: BN guna tiga faktor asas agih kerusi
The Malaysian Insider
28 Oktober , 2011

ALOR GAJAH, 28 Okt — Faktor calon, lokasi dan situasi akan menjadi perkiraan asas bagi pengagihan kerusi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-13 demi menentukan kemenangan, kata Naib presiden Umno Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Beliau berkata tidak ada satu formula tetap bagi menentukan kemenangan calon kerana terdapat isu yang berbeza-beza ketika berdepan dengan situasi pilihan raya umum itu kelak.

“Yang penting adalah formula kemenangan (bagi BN) dari semua aspek yang akan ditentukan akhirnya oleh rakyat sebagai pengundi,” katanya (gambar) selepas merasmikan Bangunan Umno Bahagian Alor Gajah, di sini hari ini.

Dipetik Bernama Online, Hishammuddin diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini bahawa BN akan memulakan proses pelarasan kepada formula pembahagian kerusi pilihan raya yang digunapakai kini bagi menghadapi pilihan raya umum ke-13.

Najib yang juga Pengerusi BN dilaporkan berkata perubahan politik yang dinamik menyebabkan perlu pelarasan kerana formula pembahagian kerusi dibuat pada 2004 dan dipakai pada 2008.

Menurut Hishammuddin input kepimpinan peringkat negeri akan diambilkira dalam formula itu selain persefahaman pemimpin tertinggi parti-parti komponen BN.

Beliau juga berkata kejayaan pada pilihan raya umum ke-13 kelak akan menentukan transformasi dibawa oleh Najib yang diterima rakyat pada masa kini dapat diteruskan.

Katanya sejak dua tahun Najib mengambalih pucuk pimpinan, negara telah melihat banyak perubahan.

Beliau berpuas hati melihat jentera Umno di bahagian itu yang melaksanakan kerja bersungguh-sungguh menghadapi pilihan raya umum ke-13 akan datang bagi membantu mengekalkan Melaka sebagai kubu kuat BN.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pru-13-bn-guna-tiga-faktor-asa-s-agih-kerusi/>